

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN
BUJANG [SIBUTI]**

NO. SOALAN : 449

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan apakah perkembangan
projek air luar bandar bagi Kompleks Air Suai fasa 2
bagi pemasangan paip air ke kawasan Kampung
Lajong dan apakah perkembangan projek air luar
bandar ke Kampung Opak.

JAWAPAN:

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Suai Kompleks Fasa II, pihak perunding sedang menyediakan dokumen tender dan dalam proses mendapatkan kelulusan rekabentuk akhir. Projek ini dijangka dapat ditender pada pertengahan bulan September 2017 dan dijangka akan siap selewat-lewatnya pada November 2019 dan dijangka akan memberi manfaat kepada 6,868 Ketua Isi Rumah (KIR) di 39 buah kampung/rumah panjang apabila siap nanti.

Bagi Projek Bekalan Air di Kampung Opak pula, pihak Kementerian sedang di dalam proses memuktamadkan pelantikan perunding. Kerja-kerja awalan dijangka bermula bulan Ogos 2017.